

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : BANTAHAN MENGIMPLEMENTASI KUTIPAN FI PARKIR DALAM
KAWASAN INDUSTRI**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian kerajaan bagi mengimplementasi kutipan Fi Parkir dalam kawasan perindustrian?
- b) Kebanyakan Persatuan Perindustrian membantah Implementasi Fi Parkir dalam kawasan Perindustrian, adakah Keranjaan Negeri menimbang semula jika pendirian kerajaan negeri menyokong menjalankan kutipan fis parkir dalam kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pada masa kini, kutipan Fi Parkir hanya dilaksanakan di beberapa kawasan perindustrian oleh beberapa PBT sahaja dengan tujuan mengawal penyalahgunaan parkir di kawasan perindustrian memandangkan terdapat banyak aduan yang diterima oleh PBT berhubung penyalahgunaan parkir di kawasan perindustrian. Penyalahgunaan parkir ini termasuklah meletakkan kenderaan berat dan jentera berat kepunyaan industri di kawasan parkir awam serta menjadikan parkir awam di kawasan perindustrian sebagai tempat letak kenderaan buruk atau kenderaan rosak.
- b) Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kutipan fi parkir di kawasan perindustrian perlu dilaksanakan dan petak parkir di kawasan perindustrian juga perlu diwartakan kerana bilangan parkir yang terhad dan salah guna petak parkir sentiasa berlaku. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan sentiasa terbuka dalam mempertimbangkan permohonan untuk mengkaji semula pelaksanaan kutipan fi parkir ini agar ianya dapat memberi kebaikan kepada semua pihak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berpuashati dengan prestasi perkhidmatan WIFI Selangorku?
- b) Mengapakah khidmat WIFI Selangorku ini masih terlalu kurang di kawasan luar bandar khususnya di Kawasan Permatang?

JAWAPAN:

- a) Prestasi perkhidmatan WiFi Smart Selangor (WiFiSS) sentiasa dalam pemantauan dan usaha untuk mempertingkatkan kelajuan serta liputan WiFiSS sentiasa dijalankan bersama pihak pembekal. Secara keseluruhannya, prestasi perkhidmatan WiFi Smart Selangor (WiFiSS) adalah memuaskan di mana jaminan tahap perkhidmatan (SLA) *adalah* dalam lingkungan 95% iaitu berada dalam julat yang telah dipersetujui. Pengguna berdaftar telah bertambah kepada 1,143,855 orang dalam tempoh tiga tahun sejak WiFiSS mula beroperasi iaitu pada bulan September 2015.
- b) Terdapat 15 hotspot WiFi Smart Selangor (WiFiSS) di dalam kawasan DUN Permatang yang meliputi Dewan, Pusat Khidmat Rakyat, Perpustakaan Desa, surau, masjid, klinik dan lain-lain tempat tumpuan orang ramai seperti restoran dan kedai makan. Namun begitu, usaha untuk memperluaskan liputan WiFiSS di kawasan DUN Permatang masih tertakluk kepada ketersediaan infrastruktur jaringan teras (*Core Network Infrastructure*) pihak pembekal ke kawasan sasaran tersebut dan dalam hal ini pihak pembekal masih belum mempunyai infrastruktur jaringan teras yang di perlukan untuk sistem komunikasi jalur lebar yang berhampiran dengan kawasan-kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : TANAH PERTANIAN KONTAN DI SUNGAI KERAMBU, KUALA LANGAT

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perhutanan untuk memutihkan tanah-tanah pertanian kontan yang telah diusahakan oleh para petani di kawasan Hutan Simpanan Sungai Kerambu, Kuala Langat Selatan?

JAWAPAN:

- a) Kawasan yang dimaksudkan ialah Kompt. 47, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan yang mana ianya telah lama diceroboh oleh penduduk sekitar untuk aktiviti tanaman kontan seperti jagung, halia, kunyit, ubi keledak dan ubi kayu. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang merangka satu program pemutihan ke atas kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diceroboh untuk diberikan Permit Penggunaan selaras dengan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985. Maklumat-maklumat mengenai sebahagian kawasan yang terlibat telah diperolehi dan dalam peringkat akhir penyediaan Kertas Ringkasan Cadangan Kelulusan Pemberian Permit Penggunaan Melalui Program Pemutihan Pencerobohan dan Penerokaan Secara Haram di Dalam Hutan Simpan Kuala Langat Selatan Melalui Pendekatam Perhutanan Tani sebelum kertas kerja berkenaan diteliti dan mendapatkan ulasan daripada YB Exco Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna sebelum kertas kerja berkenaan diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk pertimbangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SKIM CERIA

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan Skim Ceria mengikut pecahan DUN sejak tahun 2008 sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan Skim CERIA yang telah siap kerja baikpulihan sejak tahun 2008 adalah sejumlah 284 projek dengan nilai bantuan sebanyak RM95,631,186.00 juta. Maklumat sedia ada di LPHS adalah berdasarkan kawasan pihak berkuasa tempatan seperti berikut:

BIL.	PBT	JUMLAH PROJEK CERIA SIAP	NILAIAN BANTUAN (RM)
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	36	7,602,621.48
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	57	27,697,299.99
3	Majlis Perbandaran Klang	24	10,179,902.84
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya	38	9,903,719.32
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	50	17,971,209.99
6	Majlis Perbandaran Kajang	32	8,028,265.75
7	Majlis Perbandaran Selayang	28	6,730,511.12
8	Majlis Perbandaran Sepang	8	5,427,736.20
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	2	427,331.70
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	2	1,44,680.60
11	Majlis Daerah Kuala Langat	5	517,906.70
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0
JUMLAH		282	95,631,186.00

Maklumat terperinci senarai pangsapuri terlibat seperti di LAMPIRAN A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA SEKOLAH BANTUAN SEPENUH
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor akan membantu sekolah bantuan sepenuh Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan agihan bantuan kepada Sekolah Bantuan Sepenuh kerajaan Persekutuan melalui Program Bantuan Sekolah sejak tahun 2009 yang lalu. Antara sekolah –sekolah yang telah menerima manfaatnya adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan Sekolah Mubaligh.

Bagi tahun 2018 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan agihan seperti berikut:

BIL	JENIS SEKOLAH	JUMLAH PERUNTUKKAN
1.	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	RM6,000,000.00
2.	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	RM5,000,000.00
3.	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Mubaligh	RM1,000,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN PBT

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendapatan dan perbelanjaan di setiap PBT Selangor.
- b) Nyatakan cara Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu PBT yang menghadapi kekurangan pendapatan berbanding PBT seperti MBPJ, MBSA dan MPSJ.
- c) PBT seperti MPS menghadapi kekurangan kakitangan untuk kerja penguatkuasaan, apakah cara penyelesaian?

JAWAPAN:

- a) Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap PBT bagi tahun 2017 dan 2018 (sehingga 31 Oktober 2018) adalah seperti jadual berikut:

PBT	2017		2018	
	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
MBSA	442.19	418.02	407.14	352.12
MBPJ	372.96	413.27	327.52	335.08
MPK	245.44	223.14	245.54	201.99
MPSJ	281.78	291.62	256.12	221.20
MPS	285.24	264.57	156.41	115.17
MPKJ	194.75	201.11	174.98	150.54
MPAJ	137.78	133.92	117.59	108.67
MPSP	155.50	122.78	163.33	80.53
MDHS	87.44	72.51	64.73	54.68
MDKL	63.15	53.65	57.32	48.00

MDKS	61.30	59.99	52.92	42.83
MDSB	31.37	34.37	6.61	14.07
JUMLAH	2,358.92	2,288.95	2,030.21	1,724.88

- Laporan 2018 adalah berdasarkan laporan bulanan yang dihantar ke Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Upen.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau kutipan Cukai taksiran bagi semua PBT bertaraf Bandaraya, Perbandaran mahupun Daerah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Negeri bagi memastikan kutipan memenuhi sasaran berikutan ianya merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT Negeri Selangor. Selain itu, PBT juga memberi fokus untuk meningkatkan aktiviti hasil bukan cukai dalam usaha meningkatkan hasil yang ternyata akan memperkukuhkan rizab Majlis.

Dalam usaha memperkukuhkan rizab dan sekali gus memberi perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan mesra kepada rakyat, Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar perbelanjaan berhemah dan kawalan tunai yang berkesan bagi membantu meningkatkan rizab PBT Negeri Selangor melalui belanjawan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, PBT juga perlu mengawal dan memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan seimbang dengan hasil yang berjaya dikutip.

- c) Majlis Perbandaran Selayang mempunyai 148 orang penguatkuasa bagi menampung kawasan keseluruhan operasi yang berkeluasan 549.23 kilometer persegi. Kekurangan kakitangan penguatkuasa ini perlu segera ditangani serta mewujudkan waran perjawatan tetap dan kontrak dengan memohon waran perjawatan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : HAIWAN LIAR

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah kaedah atau cara yang berkesan untuk membendung dan menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Seiring dengan pembangunan yang rancak di negeri Selangor ini, gangguan kera menunjukkan kadar peningkatan setiap tahun dan membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Peningkatan jumlah aduan yang diterima saban tahun menjadi cabaran kepada Kerajaan Negeri dalam menangani konflik hidupan liar ini oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai inisiatif dan langkah pengawalan. bagi mengatasi masalah gangguan hidupan liar ini. Berikut merupakan punca-punca peningkatan aduan yang mempengaruhi pengurusan kera di negeri Selangor:

1. Kehilangan habitat

Pembangunan yang pesat diseluruh semenanjung Malaysia telah menyebabkan kebanyakan kawasan berhutan dibuka untuk aktiviti-aktiviti perladangan, penempatan penduduk dan perindustrian. Ini telah memberi kesan lansung kepada permasalahan kera di mana kera-kera ini tidak lagi mempunyai tempat untuk berlindung dan mencari makan. Sebagai alternatif, kera-kera ini terpaksa berhijrah ke kawasan yang berhutan kecil dan kadangkala terkepung oleh taman-taman perumahan.

2. Sikap segelintir penduduk dan pelancong

Sikap segelintir penduduk dan pelancong yang gemar memberi makan kepada ker-kera di taman-taman bunga atau di kawasan berhampiran dengan taman perumahan, telah menggalakan lagi perkembangan populasi kera dan menjadikan ia tidak takut kepada manusia. Masalah akan mula timbul apabila kelaziman mendapatkan makanan daripada manusia tidak diperolehi dan ini akan mendorong kera-kera bertindak liar dan adakalanya menyerang manusia.

3. Survival spesies/Kemandirian Spesies Kera

Kebolehan adaptasi di mana-mana kawasan serta tahad kemandirian spesies dan kadar pembiakan yang tinggi menyebabkan hidupan liar ini boleh hidup dalam kelompok masyarakat manusia walaupun mempunyai sumber makanan yang terhad.

4. Pembuangan sampah

Tabiat membuang sampah merata-rata, membuang sampah ditempat yang tidak sepatutnya dan tong-tong sampah yang tidak tertutup rapat juga menyebabkan kera-kera ini mencari makan ditempat tersebut. Tindakan kera-kera ini telah menyebabkan kekotoran di kawasan sekitar tempat pembuangan sampah tersebut.

5. Pembangunan tanpa menambilkira hidupan liar

Dalam kerancangan pembangunan di seluruh negara seringkali komponen hidupan liar tidak diambilkira dan pemaju bebas membuka sesuatu kawasan tanpa menghiraukan kehadiran populasi kera di kawasan terbabit. Ini menyebabkan kera-kera tersebut tidak mempunyai pilihan untuk terus tinggal di kawasan yang akan dibangunkan dan terpaksa berpindah atau menimbulkan gangguan di kawasan berhampiran. Kebanyakan pihak pentadbiran daerah juga tidak membuat perbincangan terlebih dahulu dengan Jabatan PERHILITAN apabila mahu membangunkan sesuatu kawasan penempatan baru yang mana di dalamnya terdapat populasi kera yang tinggi. Jika kerjasama dapat dijalankan dengan lebih awal sebelum sesuatu projek dijalankan, program tangkapan pindah atau mitigasi yang bersesuaian akan dapat diambil.

6. Tanah terbiar

Kawasan yang ingin dibangunkan terutamanya untuk tujuan pertanian di kawasan luar bandar sering tergendala disebabkan beberapa faktor seperti kekurangan modal, tiada tenaga kerja dan sebagainya. Ini menyebabkan kawasan tersebut terbiar dan menjadi belukar dan seterusnya menjadi habitat yang amat sesuai untuk kera-kera tinggal. Ini telah menimbulkan banyak masalah terutamanya kepada penduduk-penduduk lain yang mengusahakan tanah mereka. Seringkali pengusaha pertanian menjadi mangsa apabila tanah pertanian bersebelahan tidak diusahakan dan menjadi tempat habitat kera.

7. Kurang kerjasama daripada pengadu

Kurangnya kerjasama daripada pengadu untuk sama-sama memantau perangkap yang telah dipasang juga merupakan satu isu. Ini adalah kerana perangkap yang dipasang diperbuat daripada besi dan terdedah kepada risiko kecurian. Seringkali juga berlaku umpan yang telah rosak atau habis tidak diganti oleh pengadu dan menyebabkan kera-kera tidak masuk kedalam perangkap. Kebiasaannya pihak jabatan PERHILITAN hanya menyediakan umpan pada hari pertama sahaja dan untuk hari-khari berikutnya bergantung kepada inisiatif pengadu. Kadang-kala apabila telah banyak kera terperangkap, pengadu tidak memaklumkan kepada Jabatan PERHILITAN untuk tindakan susulan menyebabkan kera-kera tersebut kelaparan dan bergaduh sesama sendiri. Terdapat juga pengadu yang tidak mesra dengan kakitangan PERHILITAN serta tidak melayan kehadiran kakitangan yang ingin menjalankan tugas di kawasan mereka. Malah menjadi lumrah sesetengah pengadu yang ingin aduan mereka diberikan keutamaan walaupun mengetahui terdapat juga kes-kes aduan yang lebih serius yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu.

8. Sikap pemilik kera

Terdapat juga kes-kes gangguan di mana kera yang terlibat merupakan haiwan peliharaan individu tertentu. Disebabkan kera tersebut telah mula bertindak liar dan tidak terkawal, pemilik yang bertanggungjawab ini telah melepaskan kera tersebut. Ini menyebabkan kera tersebut bertindak liar terhadap orang ramai yang terserempak denganya untuk mencari makanan.

9. sikap segelintir pencinta alam

Terdapat kejadian di mana segelintir pencinta alam yang melepaskan semula kera-kera yang telah terperangkap telah menyebabkan gangguan di sekitar kawasan terlibat tidak dapat diselesaikan dengan segera. Adakalanya mereka menghalang kakitangan Jabatan PERHILITAN supaya tidak mengambil tindakan menangkap atau tembak mati walaupun berlaku kes gangguan yang serius di kawasan tertentu. Namun begitu, kebiasaannya apabila mereka sendiri yang mengalami masalah gangguan kera, mereka akan akur dengan apa sahaja tindakan yang akan diambil oleh Jabatan PERHILITAN.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Jabatan bagi mengawal populasi dan mengatasi aduan gangguan hidupan liar seperti berikut adalah berdasarkan kepada prosedur yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan dan kelestarian spesies hidupan liar tersebut :

1 : Mengawal populasi konflik dengan menjalankan tindakan penakaian (*culling*) yang merupakan kaedah biasa yang diamalkan dalam pengurusan hidupan liar. Kaedah ini digunapakai bagi mengawal populasi melalui pengurangan secara terkawal spesies konflik yang mendatangkan aduan gangguan yang tinggi. Ini bagi mengelakkan kelimpahan populasi spesies berkenaan yang boleh mendatangkan kemusnahan dan menjadi ancaman kepada keselamatan orang awam. Kaedah yang dilaksanakan dibawah tindakan ini adalah seperti berikut:

1.1 : Tangkap hapus dimana perangkap diletakkan dikawasan yang aduan yang bermasalah dan haiwan yang ditangkap akan dikurangkan melalui suntikan secara *humane*.

1.2 : Menjalankan operasi basmi musuh tanaman bersama penduduk setempat dan *stakeholder* yang terlibat melalui kerjasama-kerjasama yang dijalankan dengan mengambil kira sensitiviti masyarakat setempat semasa menjalani operasi tersebut.

1.3 : Antara lain pengawalan secara tangkap pindah dimana spesies konflik tersebut akan ditangkap menggunakan perangkap pindah dan memindahkan ke kawasan hutan yang lebih luas dan jauh dari penempatan manusia.

Antara usaha-usaha strategi pengurusan konflik hidupan liar ini sebelum tindakan penakaian dijalankan adalah menerusi inventori menyeluruh populasi kera di kawasan yang bermasalah. Selain dari itu, pihak jabatan dari masa ke semasa mencuba kaedah keberkesanan pengawalan melalui rekaan-rekaan inovasi terutamanya rekacipta perangkap yang boleh digunakan untuk memerangkap

bilangan kera dengan banyak disamping menjimatkan kos dan masa. Melalui peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor, pada tahun ini, pelbagai program kawalan seperti Operasi Basmi Musuh Tanaman yang dijalankan sebanyak 23 kali aktiviti, Program Tangkapan Kera Swasta yang mencatatkan tangkapan kera sebanyak 3443 ekor kera serta pelupusan kera termasuk tangkap pindah kera sebanyak 9296 ekor kera sehingga September 2018 yang dicatatkan.

Usaha dan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan juga perlu mendapat sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak terutamanya dari masyarakat setempat melalui sesi-sesi dialog dan operasi bersama dengan agensi yang terlibat. Isu-isu yang mempengaruhi pengurusan konflik hidupan liar perlu ditangani secara bersama oleh semua pihak. Kerajaan melalui Jabatan PERHILITAN sentiasa mengalu-alukan pandangan dari pelbagai pihak seperti NGO, pihak berkuasa tempatan, pemaju-pemaju perumahan, masyarakat setempat dalam mencari jalan serta bertukar-tukar pandangan dalam mengatasi masalah gangguan kera ini. Ini penting dalam perlaksanaan langkah kawalan yang lebih proaktif untuk jangka masa panjang.

Seiring itu, dalam memastikan spesies hidupan liar ini dipelihara secara lestari, pihak Jabatan bertanggungjawab mengambil sebarang tindakan yang praktikal bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat terpelihara dari sebarang ancaman yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Langkah-langkah pengurusan yang diambil oleh pihak Jabatan mengambil kira pelbagai faktor dan keperluan orang ramai yang pelbagai. Oleh itu, kaedah-kaedah praktikal dan berhemah seiring dengan keperluan dan kehendak orang ramai adaah dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN di samping memulihara spesies hidupan liar ini secara lestari.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : APAKAH PROGRAM IPR YANG DIBATALKAN

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah program Inisiatif Peduli Rakyat yang sudah dan bakal dibatalkan?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membatalkan Program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang telah lama dilaksanakan sejak tahun 2008 (yang dahulu dikenali sebagai Program Merakyatkan Ekonomi Selangor - MES) serta telah memberi banyak manfaat kepada seluruh rakyat di Selangor tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik. Malah, Kerajaan Negeri kini sedang giat membuat penelitian terhadap semua program IPR untuk diberi nilai tambah dan penambahbaikan dengan menerapkan elemen pemberdayaan (*empowerment*) agar penerima IPR mampu berdikari dan mengelakkan kebergantungan berterusan terhadap Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : IKLAN HARAM

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membanteras pengiklanan haram pinjaman wang tidak berlesen(along) secara efektif dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No.11 daripada ADUN Balakong.

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa mengambil tindakan untuk memerangi iklan haram. Antara tindakan yang diambil adalah:-
- 1) Mengambil tindakan di bawah Peruntukan 7 Undang-Undang Kecil Iklan 2007 berkaitan kesalahan mempamerkan iklan tanpa lesen. Kompaun yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM600.00 dan jika didakwa di mahkamah boleh dikenakan denda sebanyak tidak lebih RM2,000.00 jika disabitkan kesalahan;
 - 2) PBT juga melaksanakan operasi iklan haram sebanyak dua (2) kali sehari iaitu mulai seawal pagi dan waktu petang di semua kawasan operasi PBT;
 - 3) PBT akan mengemukakan nombor telefon pengiklanan kepada pihak Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk permohonan penamatan perkhidmatan;
 - 4) Mengadakan operasi bersepadu iklan along dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan NGO dalam membanteras aktiviti along;
 - 5) PBT melakukan pemeriksaan terhadap syarikat/agensi yang menjalankan perniagaan percetakan terutamanya yang melibatkan percetakan banner, bunting dan *sticker*. Sekiranya syarikat/kilang percetakan tersebut didapati mencetak iklan atau sticker iklan pinjaman kewangan yang tidak berlesen, lesen perniagaan mereka akan ditarik/dibatalkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERUMAHAN GENERASI KEDUA FELDA

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan projek tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi subsidi kepada rumah Generasi Kedua Felda seperti yang diberikan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ini?

JAWAPAN:

- a) Skim Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) adalah antara projek sosial FELDA yang bertujuan bagi memenuhi permintaan dan mambantu generasi baru FELDA memiliki rumah mampu milik yang selesa dan sempurna. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah memajukan Pembangunan Perumahan Generasi Kedua Felda Sungai Tengi Selatan sebagai projek perintis dengan menanggung kos kerja infrastruktur berjumlah RM7,650,000.00. Setakat bulan November 2018 status pelaksanaankemajuan kerja keseluruhan projek ini telah mencapai 62% dengan pecahan berikut:

BIL	PERKARA	STATUS
1.	Kerja-kerja pembinaan struktur	98% siap
2.	Kerja-kerja Arkitek	50% siap
3.	Kerja-kerja Infrastruktur	20% siap

Manakala kelulusan bekalan air untuk pembangunan projek ini masih belum diperolehi daripada pihak Pengurusan Air Selangor dan senarai pembeli belum dimuktamadkan oleh pihak FELDA.

- b) Perumahan Generasi Kedua FELDA Sg Tengi Selatan adalah merupakan projek perintis inisiatif Kerajaan Negeri bagi memberi peluang kepada generasi baru FELDA untuk memiliki rumah. Bagi menyokong usaha tersebut, Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan untuk menanggung keseluruhan kos penyediaan kemudahan infrstruktur asas yang berjumlah RM7,650,000.00. Dengan adanya sokongan pembiayaan ini, harga jualan unit- unit rumah tersebut yang ditawarkan oleh PKNS dapat

diturunkan kepada RM97,000.00. Tawaran harga rumah ini berdasarkan permintaan dan keupayaan generasi kedua FELDA untuk membeli dengan harga tidak melebihi RM100,000.00 seunit. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak memberikan peruntukan subsidi kepada rumah Generasi Kedua Felda di Sg Tenggi Selatan dan projek-projek seumpunya seperti yang diberikan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : ISU BANJIR AKIBAT KENAIKAN AIR SUNGAI LANGAT

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Langat yang dihentikan sejak dua tahun lalu?
- b) Sehingga projek RTB ini selesai dibina, apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu mengurangkan kesan banjir kilat di kawasan terjejas banjir dalam kawasan Dengkil?

JAWAPAN:

- a) Status terkini Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Langat adalah dalam fasa konsep rekabentuk. Pembentangan konsep rekabentuk telah dibentangkan pada 6 September 2018. Skop utama kerja bagi Projek Tebatan Banjir Sg Langat (Fasa 1) adalah pembinaan ban dan struktur berkaitan sepanjang 10km di Dengkil di Daerah Sepang, 10km di Bukit Changgang dan Sg Manggis di Daerah Kuala Langat, serta 27km dari pertemuan Sg Semenyih ke Sg Labu, Daerah Hulu Langat. Projek ini dijangka tender pada tahun 2019 dan disiapkan pada tahun 2022 dengan anggaran kos RM40 juta.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor membuat kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala melalui peruntukan mengurus di kawasan-kawasan berpotensi banjir. Manakala kawasan-kawasan yang di luar Rancangan Tebatan Banjir Sg Langat, Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan sebanyak RM 5 juta untuk Projek Membina Kolam Takungan Banjir dan Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Permata dan RM 6 juta untuk projek Tebatan Banjir di Sg Semarang.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Nama Projek : Projek Tebatan Banjir Kampung Ampar Tenang dan Sg Semarang
Kos Projek : RM 6,090,837.38
Tarikh Mula/ Siap : 16.08.2017 / 14.08.2019

Skop Kerja :
1. Pembinaan pintu air dan pemasangan screw pump.

Nama Projek : Membina Kolam Takungan Banjir dan Kerja Berkaitan di Taman Permata

Kos Projek : RM 5,520,957.00

Tarikh Mula / Siap : 27.03.2017 / 17.03.2019

Skop Kerja :
1. Pembinaan kolam takungan.
2. Pembinaan rumah pam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : DASAR INDUSTRI 4.0

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah pelabur Industri 4.0 yang telah melakukan pelaburan di Negeri Selangor sehingga kini?
- b) Apakah persiapan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menyediakan generasi muda mahir untuk revolusi Industri 4.0 ini?

JAWAPAN:

- a) Industri 4.0 adalah satu konsep yang baru diperkenalkan di Negara ini. Ketika ini, ianya masih diperingkat awal pelaksanaan dasar ini dan nilai pelaburan bagi cadangan projek - projek perkilangan yang melibatkan penggunaan Industri 4.0 dalam operasi pengeluaran masih belum dapat direkodkan.
- b) Revolusi Perindustrian Keempat (Fourth Industrial Revolution) melibatkan penggunaan teknologi automasi yang memberi cabaran baharu kepada semua sektor industri di negara ini dan memerlukan perubahan seiring dengan transformasi digital bagi mengekalkan daya saing. Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baru seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotic dan cloud yang bakal merancakkan lagi kemajuan landskap dunia moden dan teknologi.

Bagi menyediakan generasi muda sebagai sumber tenaga kerja yang bakal menempuh perubahan teknologi ini, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah memulakan langkah dengan merangka dan melaksanakan beberapa program awalan seperti berikut:-

- i. Invest Selangor dan Invest Bavaria telah menandatangani MoU pada 18hb Mei 2017 di German dan sebagai usaha seterusnya "Bavaria Industry 4.0 Workshop" program telah diadakan pada 21hb Ogos 2017, bertempat di Istana Selangor. Workshop ini dihadiri oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam Industry 4.0 dari German dan juga syarikat-syarikat IKS dari Selangor.
- ii. Pada 22hb Mei 2017, Invest Selangor Berhad telah menandatangani MoU bersama State Government of Victoria, Australia di Istana Selangor. MoU ini

dilihat sebagai satu madah bagi kerjasama antara pemain industri Selangor dan Melbourne terutamanya dalam 9 pilar utama revolusi industri 4.0. Hasil daripada MoU ini, pihak Invest Selangor telah dapat membantu sebuah syarikat di Selangor iaitu CSL Blockchain Technology yang menghasilkan “*bitcoin*” dan juga aktiviti “*cryptocurrency mining*” untuk mengkomersialkan dan menyenaraikan syarikat mereka di *Australia Stock Exchange* pada tahun ini.

- iii. “Networking Dinner In Conjunction With The UK Mega Technology Mission To Selangor” telah diadakan pada 10hb Oktober 2017 bertempat di Istana Selangor. Program ini menemukan para pemain industri dari UK dan Selangor terutamanya dalam sektor IoT, analisis & big data, fintech, telecommunication, cybersecurity, cloud dan data analytics. Invest Selangor telah menyediakan platform B2B ataupun *business-to-business* supaya syarikat-syarikat IKS dari negeri ini dapat menjalinkan hubungan yang lebih rapat untuk pemindahan teknologi yang berteraskan Industri 4.0 pada masa hadapan.
- iv. Bagi memastikan institusi pendidikan juga bersedia mengharungi revolusi ini, pihak Invest Selangor Berhad telah menghubungkan kerjasama diantara UNISEL dan juga Universiti Malaya. Dalam pada masa yang sama, pihak Invest Selangor telah juga mengadakan sesi dialog di antara syarikat-syarikat IKS yang mempunyai potensi di dalam Industri 4.0 seperti DreamEdge dan juga Robopreneur dengan universiti-universiti yang disebutkan seperti di atas.
- v. Pada 4hb. September 2018, pihak PKNS Akedemi telah menjalinkan kerjasama dengan Invest Selangor Berhad bagi mengadakan program “Seminar Embracing Industry 4.0”.

Invest Selangor juga adalah sebahagian daripada *Industry 4.0 Consortium* yang telah diorganisasikan oleh SHRDC di mana konsortium ini menyediakan peluang / platform untuk industri dan syarikat-syarikat MNC, syarikat-syarikat IKS, pihak kerajaan dan juga akademik untuk mengadakan sesi dialog berkenaan hala tuju, strategi dan juga cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh semua pihak berkenaan Industri 4.0 pada masa hadapan.

Pada 25 September 2018, Program “*Malaysian Smart Factory (MSF) 4.0*” telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato’ Menteri Besar Selangor. SHRDC telah menandatangani MOU bersama “*Swiss Smart Factory (SSF)*” sebagai rakan strategik untuk program tersebut. Dana sebanyak RM5 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada SHRDC untuk membangunkan makmal “*Malaysian Smart Factory (MSF) 4.0*” yang ditempatkan di pusat latihan SHRDC Shah Alam. Objektif makmal *MSF 4.0* ini adalah untuk melatih generasi muda khususnya Anak Selangor dalam bidang Industri 4.0 dan *Smart Factory*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN PUSAT KHIDMAT DUN

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha atau langkah Kerajaan Negeri untuk membantu menambahbaik perkhidmatan Pusat Khidmat DUN memandangkan kini wujud pertambahan beban tugas dan tanggungjawab di kalangan staf khususnya melibatkan proses pentadbiran dan pengurusan pelbagai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung tanggungjawab setiap Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) untuk menguruskan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sedang mengkaji beban tugas dan implikasi kewangan yang akan ditanggung sebelum sebarang keputusan penambahbaikan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : AKTIVITI PROMOSI DAN IKLAN PELANCONGAN DI SELANGOR

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pelancongan mempunyai potensi tinggi dalam meningkatkan pendapatan negeri. Adakah kerajaan akan meningkatkan belanjawan untuk aktiviti promosi dan iklan pelancongan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2018, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah menerima peruntukan sebanyak RM6.25 juta di mana sebanyak RM4.5 juta diperuntukkan khusus bagi tujuan aktiviti promosi dan acara pelancongan negeri. Kerajaan Negeri sedar di atas potensi industri pelancongan kepada pendapatan negeri dan justeru itu, Kerajaan Negeri telah mempergiatkan aktiviti promosi pelancongan dalam beberapa kaedah seperti penglibatan agensi kerajaan dan agensi pelancongan negeri di dalam siri promosi dalam dan luar negara, aktiviti *familiarization trip* atau FAM Trip yang bertujuan menghebahkan dan mempromosikan tentang produk & perkhidmatan pelancongan setempat dan juga menjalankan aktiviti promosi melalui pelbagai media sama ada melalui media cetak ataupun elektronik. Bagi tujuan tersebut, sehingga 1 November 2018 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM2,262,651.04 untuk aktiviti-aktiviti promosi dan pengiklanan pelancongan. Bagi tahun 2019, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri bercadang untuk terus memberi fokus dan mempergiatkan lagi aktiviti promosi pelancongan dan pengiklanan ini dengan mengambil peluang dan memaksimumkan potensi-potensi pelancongan negeri sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : HUB-HUB PERNIAGAAN UNTUK RAKYAT BERNIAGA

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menyediakan hub-hub perniagaan yang lebih banyak bagi memberi peluang kepada rakyat untuk berniaga dan memasarkan hasil keluaran mereka?

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No.80 daripada ADUN Taman Templer.

- a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyediakan hub-hub perniagaan dan kiosk untuk usahawan berniaga di seluruh Negeri Selangor. Hub-hub perniagaan sedia ada akan diberikan promosi bagi menarik lebih ramai pengunjung melawati hub-hub tersebut. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Oktober 2018 antara lain telah memutuskan supaya promosi dan pameran hasil produk Negeri Selangor diadakan di kawasan tumpuan pelancong seperti di Uptown Shah Alam, Uptown Damansara, Pasar Tani, Bazarena Shah Alam dan pasar-pasar lain yang sesuai untuk dimasukkan di dalam pakej pelancongan sebagai salah satu insiatif bagi menarik pelancong tempatan dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri lebih menumpukan kepada pembangunan promosi bagi hub-hub sedia ada dan dalam masa yang sama merancang untuk menggalakkan lebih ramai usahawan berniaga melalui hub virtual dan tidak lagi berbentuk statik. Peralihan medium perniagaan kini lebih memfokuskan kepada perniagaan berbentuk alam maya. Sebagai contoh platform atas talian seperti Lazada, Shoppe, Fashion Valet, GroupOn, Zalora, Alibaba.com dan lain-lain. Mekanisme ini dilihat lebih dekat dengan pembeli / pengguna dan usahawan wajar mengambil inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui SITEC yang menawarkan fasiliti penjualan produk melalui atas talian. Penglibatan usahawan di dalam hub virtual dilihat sebagai kaedah yang dapat meluaskan pasaran dengan lebih cepat dan kos efektif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PARAS AIR EMPANGAN

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan paras air terkini di semua empangan air di Selangor?
- b) Adakah kedudukan paras air tersebut dalam keadaan normal?
- c) Sejauh manakah paras air terkini mampu membekalkan air sekiranya berlaku kemarau panjang?

JAWAPAN:

- a) Pemantauan paras air bagi tujuh (7) empangan di Negeri Selangor adalah melalui laman sesawang '*Integrated Water Resources Information Management System, IWRIMS*' oleh LUAS. Lima (5) empangan telah mencapai kapasiti maksimum 100% kecuali Empangan Sungai Selangor dan Empangan Batu sahaja.

Data paras air empangan hingga **14 November 2018** adalah seperti Jadual berikut:

Empangan	Paras air (m MSL)	Kapasiti Takungan (Juta meter padu /MCM)	Peratus Kapasiti Takungan (%)
Batu	102.24	30.97	96.89
Semenyih	111.07	59.33	100.44
Langat	221.07	34.10	100
Klang Gates	95.41	25.34	100
Sungai Selangor	220.15	230	100
Tasik Subang	38.64	4.21	100
Sungai Tinggi	59.78	116.61	100

Sumber : iwrimis.luas.gov.my

- b) Kedudukan paras air empangan sehingga **14 November 2018** adalah dalam keadaan baik dengan lima (5) empangan telah mencapai kapasiti maksimum 100%. Ia menunjukkan tren positif berikutan peningkatan intensiti hujan di kawasan tadahan air empangan semasa Monsun Peralihan pada bulan Oktober.
- c) Jangka hayat simpanan air semua empangan di Negeri Selangor hingga 14 November 2018 mampu menampung bekalan air sehingga melebihi tiga (bulan) jika berlakunya kekurangan hujan di kawasan tadahan terutamanya semasa Monsun Barat Daya. Pihak LUAS akan memastikan kawalan pelepasan air empangan secara optima bagi tujuan bekalan air. Perincian jangka hayat simpanan kapasiti takungan empangan sehingga **14 November 2018** adalah tertakluk kepada jumlah pelepasan air empangan seperti berikut:

Empangan	Kapasiti Takungan Simpanan (Juta meter padu, MCM)	Jika Jumlah Pelepasan Air (Juta liter/hari, MLD)	Jangka hayat simpanan (hari)
Batu (Simpanan kritikal 4.04 Mm ³ , 32.14%)	30.84	135	199
Semenyih (Simpanan kritikal 12.99 Mm ³ , 26.74%)	59.33	200	231
Langat (Simpanan kritikal 9.17 Mm ³ , 26.74%)	34.10	250	99
Klang Gates Simpanan kritikal 4.7 Mm ³ , 18.55%)	25.34	170	121
Sungai Selangor (Simpanan kritikal 69 Mm ³ , 30%)	230	1200	134
Tasik Subang (Simpanan kritikal 1.35 Mm ³ , 32.14%)	4.21	15	190
Sungai Tinggi	116.61	800	99

(Simpanan kritikal 36.76 Mm ³ , 30%)			
--	--	--	--

Maklumat Tambahan

Kerajaan Negeri melalui pihak LUAS telah melaksanakan inisiatif penyediaan kolam takungan hiliran "*Off River Storage*" Bestari Jaya yang terdiri daripada tujuh (7) kolam dengan anggaran kapasiti 3 juta meter padu (3 MCM) dan keluasan badan air ialah 63.41 hektar. Inisiatif Operasi Pengepaman Air Kolam (OPAK) adalah menggunakan kolam-kolam tersebut yang merupakan sumber air alternatif yang telah diwartakan sebagai zon perlindungan di bawah seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Tujuan OPAK adalah bagi meningkatkan kapasiti Sungai Selangor yang membekalkan lebih 60% bekalan air Negeri Selangor dan Lembah Klang. LUAS juga telah mewartakan 21 kolam sumber air alternatif di Negeri Selangor dengan anggaran jumlah kapasiti 1,534 juta meter padu (MCM). Ini adalah bagi memastikan kelangsungan bekalan air di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KLINIK DESA

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha penambahbaikan terkini oleh kerajaan terhadap klinik-klinik desa di Selangor?
- b) Berapakah yang peruntukan yang disalurkan bagi tahun 2016-2018 bagi menaiktaraf klinik-klinik desa di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Di negeri Selangor terdapat 15 klinik desa yang dinaiktaraf menjadi klinik kesihatan. Klinik Desa terlibat adalah seperti jadual berikut:

DAERAH	NAMA KLINIK DESA	TAHUN NAIK TARAF
GOMBAK	KD BATU 8	2012
	KD ULU KLANG	2012
HULU LANGAT	KD BALAKONG	2013
	KD SG SEKAMAT	2013
KLANG	KD BUKIT NAGA	2011
	KD RANTAU PANJANG	2012
	KD SG BERTEK	2017
PETALING	KD PAYA JARAS	2012
	KD BATU 13 PUCHONG	2013
KUALA LANGAT	KD KEBUN BARU	2012
	KD SG LANG	2012
KUALA SELANGOR	KD BUKIT CHERAKAH	2013
	KD SG TENGI KANAN	2013
SABAK BERNAM	KD MERBAU BERDARAH	2012
SEPANG	KD SEPANG	2011

Oleh itu skop perkhidmatan yang ditambah iaitu pesakit luar, perkhidmatan kecemasan, perkhidmatan farmasi, perkhidmatan makmal dan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak.

- b) Peruntukan yang disalurkan bagi tahun **2016-2018** bagi menaiktaraf klinik-klinik desa di Selangor:-

- Bagi tahun 2016-2018, tiada peruntukan khas untuk naik taraf klinik desa di Selangor. Penyelenggaraan dan pembaikan kecil dilaksanakan di bawah perbelanjaan mengurus sebanyak RM 2.3 juta telah dibelanjakan.
- Pembinaan Klinik Kesihatan jenis 7 Sungai Bertek oleh pihak pemaju melibatkan kos pembinaan baru RM 5.1 juta disebabkan tapak lama KD Sg Bertek dijadikan jambatan ketiga yang menghubungkan Sg Udang ke Rantau Panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : SUMBANGAN KEPADA NGO DARI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat sumbangan atau peruntukan kepada NGO-NGO Islam yang berdaftar bagi menyemarakkan lagi aktiviti mereka?

JAWAPAN:

a) Sumbangan atau peruntukan kepada NGO-NGO Islam yang berdaftar:-

- i. Sumbangan yang diberikan NGO Islam ialah dikenali sebagai Dana Bantuan yang diberikan dalam bentuk kewangan menggunakan peruntukan zakat semasa yang diberi kepada mana-mana NGO Islam yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS); dan
- ii. NGO Islam yang berdaftar di bawah MAIS adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MAIS di bawah peruntukan Garis Panduan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan Negeri Selangor (MAIS) 2014/1435, di mana MAIS boleh memperuntukkan sejumlah Dana Bantuan dari peruntukan zakat semasa kepada NGO-i (MAIS) setelah Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan berpuas hati dengan:
 - a. Peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh NGO-i (MAIS) dalam membantu Majlis serta agensi agama di bawah Majlis; dan
 - b. Penilaian prestasi keberkesanan program yang ditetapkan.

Tambahan:

1. Peruntukan yang diberikan:
 - a. 2017 - RM1.13 juta
 - b. 2018 - RM1.13 juta
2. Jumlah NGO Islam yang berdaftar dengan MAIS ialah 93 buah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : MIGRASI METER PUKAL KEPADA METER INDIVIDU

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penggunaan Meter Pukal di Pangsapuri Kos Rendah telah menyebabkan banyak isu pemotongan air apabila sesetengah penduduk tidak mahu membayar bil. Apakah terdapatnya usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan pelaksanaan migrasi meter pukal kepada meter individu dijalankan di kesemua Pangsapuri-pangsapuri kos rendah?

JAWAPAN:

a) Usaha-usaha Kerajaan Negeri:-

1. Air Selangor telah melaksanakan program migrasi bekalan air meter pukal kepada meter individu bagi kategori meter pukal yang berdaftar dibawah kod tarif air 17 (kondominium/ pangsapuri), kod tarif air 18 (pangsapuri kos rendah/flat) dan kod tarif air 21 (kuarters kerajaan) bagi Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya semenjak tahun 2008 selaras dengan Warta Kerajaan Persekutuan, Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014.
2. Statistik Perlaksanaan Program Migrasi sehingga Oktober 2018 adalah seperti jadual di bawah :

Jumlah Taklimat Migrasi	Jumlah Akaun Meter Pukal yang telah melaksanakan program migrasi	Jumlah Akaun Meter Individu yang diwujudkan selepas program migrasi
720	856	203,052 akaun

3. Antara usaha-usaha dan langkah yang diambil bagi membantu proses migrasi, Air Selangor melaksanakan taklimat program secara berterusan dengan mengadakan perjumpaan bersama Jawatankuasa Pengurusan Bersama Bangunan (JMB) serta penduduk. Selain dari itu Air Selangor juga

membantu dalam memberikan nasihat dan cadangan bagi kelancaran proses permohonan oleh penduduk dan JMB serta mewujudkan Unit Khas Migrasi bagi membantu dan memudahkan permohonan migrasi bekalan air meter pukal kepada bekalan air meter individu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PEMBINAAN KIOSK

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat membina lebih banyak kiosk untuk menggalakkan rakyat berniaga?

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No.75 daripada ADUN Meru.

- a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyediakan hub-hub perniagaan dan kiosk untuk usahawan berniaga di seluruh Negeri Selangor. Hub-hub perniagaan sedia ada akan diberikan promosi bagi menarik lebih ramai pengunjung melawati hub-hub tersebut. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Oktober 2018 antara lain telah memutuskan supaya promosi dan pameran hasil produk Negeri Selangor diadakan di kawasan tumpuan pelancong seperti di Uptown Shah Alam, Uptown Damansara, Pasar Tani, Bazarena Shah Alam dan pasar-pasar lain yang sesuai untuk dimasukkan di dalam pakej pelancongan sebagai salah satu insiatif bagi menarik pelancong tempatan dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri lebih menumpukan kepada pembangunan promosi bagi hub-hub sedia ada dan dalam masa yang sama merancang untuk menggalakkan lebih ramai usahawan berniaga melalui hub virtual dan tidak lagi berbentuk statik. Peralihan medium perniagaan kini lebih memfokuskan kepada perniagaan berbentuk alam maya. Sebagai contoh platform atas talian seperti Lazada, Shoppe, Fashion Valet, GroupOn, Zalora, Alibaba.com dan lain-lain. Mekanisme ini dilihat lebih dekat dengan pembeli / pengguna dan usahawan wajar mengambil inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui SITEC yang menawarkan fasiliti penjualan produk melalui atas talian. Penglibatan usahawan di dalam hub virtual dilihat sebagai kaedah yang dapat meluaskan pasaran dengan lebih cepat dan kos efektif.